

# Pasukan debat UMS raih tempat ketiga debat kebangsaan

UB 9.11.2014 B4

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) terus menjadi tumpuan dalam pertandingan debat peringkat institusi pengajian tinggi.

Terbaru, UMS sekali lagi menjadi tumpuan para juri dalam Pertandingan Debat Alam Sekitar peringkat kebangsaan yang berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).

Pertandingan anjuran Jabatan Alam Sekitar, Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (Madum) dan UNIMAP itu menyaksikan UMS muncul tempat ketiga daripada 32 institusi pengajian tinggi awam



**PROF MADYA DR ISMAIL ALI**

dan swasta yang bertanding.

Kejayaan itu sekali gus melayakkan pasukan debat UMS menerima cek bernilai RM1,000.

Juara disandang

Universiti Islam Antarabangsa (UIA) manakala naib juara dimenangi Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Prof Madya Dr Ismail Ali melahirkan rasa bangga atas kejayaan yang dicapai oleh pasukan debat UMS.

“Syabas dan tahniah kerana berjaya mengharumkan nama UMS di peringkat kebangsaan. Saya mewakili pihak universiti sangat mengalau-alukan aktiviti debat ini terus disemarakkan bagi membentuk jati diri di samping meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar,” katanya.



**PASUKAN debat UMS.**